

Newspaper

Berita Harian

Date

28 March 2016

Tiada alasan kukuh desak PM berundur

Sebarang tindakan mesti berlandaskan sistem demokrasi

Mac 2016 dipenuhi beberapa peristiwa hangat dalam dunia politik Malaysia. Mula-mula pada 4 Mac bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengetuai 45 pemimpin politik dan aktivis pertubuhan bukan kerajaan menandatangani deklarasi menuntut penyingkiran Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri, penyingkiran semua yang bersekongkol dengannya, pemansuhan semua undang-undang dan perjanjian baharu yang jelas melanggar hak asasi dan pemulihan integriti institusi yang dilemahkan.

Pada 15 Mac, Majlis Peguam memfail permohonan semakan kehakiman terhadap keputusan Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali pada 26 Januari tidak buat pendakwaan ke atas Perdana Menteri. Majlis Peguam berpendapat, kuasa pendakwaan ikut budi bicara Peguam Negara mengikut Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan tidak mutlak atau tidak terbatas dan pengamalan kuasa ini boleh dicabar melalui semakan kehakiman.

Pada 23 Mac, Dr Mahathir bersama Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan Anina Saadudin memfail saman di bawah *tort misfeasans* kerana Najib menghalang, mencampuri, menindas dan menyalah pintas pelbagai siasatan dan inkuiri berhubung dakwaan skandal 1MDB dan dana RM2.6 bilion. Mereka menuntut RM2.6 bilion sebagai ganti rugi teladan dan ganti rugi berpanjangan RM42 juta kepada Kerajaan Malaysia.

Kempen desak letak jawatan

Semalam, Dr Mahathir bersama sekumpulan pemimpin politik dan aktivis pertubuhan bukan kerajaan memulakan kempen mendesak peletakan jawatan Najib dengan mengadakan rapat umum di Pusat Konvensyen Shah Alam, diberi nama Kongres Rakyat dan Gerakan Selamatkan Malaysia dengan tema 'berubah, bersatu, berani', dianjurkan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim.

Pada hari ini, berlangsung pula Himpunan Muafakat Selamatkan Malaysia anjuran pembangkang juga memabitkan Dr Mahathir di Padang Majlis Perbandaran Ampang Jaya, lanjutan keputusan pembangkang pada 7 Mac mengadakan jelajah ke seluruh negeri.

Apapun, jelas bahawa Dr Mahathir berpatah arang berkerat rotan dengan Najib. Cuma, apakah semua ini mampu beri impak besar khususnya memberi tekanan kepada Najib untuk letak jawatan? Walaupun semua peristiwa ini berintensiti tinggi, ia dilihat memberi kesan sebaliknya. Tindakan Dr Mahathir, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir bersekongkol dengan musuh UMNO selama ini khususnya DAP menyebabkan ramai yang sebelum ini tidak bersuara mula bersuara bagi mengecam mereka sebagai pengkhianat, di samping menyatakan sokongan terbuka kepada Najib.

Mengheret Perdana Menteri dan Peguam Negara ke mahkamah dianggap bukti ba-

hawa di sebalik retorik mengenai tiada kebebasan, kredibiliti dan integriti institusi negara sebelum ini, institusi kehakiman negara sebenarnya masih dapat kepercayaan masyarakat.

Bertindak berdasarkan Perlembagaan

Eloklah jika semua kembali bertindak berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan berhubung kedudukan Perdana Menteri. Perkara 43 (4) Perlembagaan Persekutuan jelas menyebut 'jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.'

Begitu juga dengan Perkara 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan 'seseorang hilang kelayakan menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen jika dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada RM2,000 ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan bebas.'

Jika perkara-perkara ini (di samping beberapa perkara lain yang boleh menghidlangkan kelayakan seseorang menjadi ahli Dewan Rakyat) tidak berlaku, maka usahlah dipaksa Perdana Menteri letak jawatan. Hormatilah Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan pertukaran hanya melalui pilihan raya. Apabila tiba pilihan raya buatlah apa sahaja yang dibenarkan undang-undang untuk meyakinkan rakyat bertindak mengikut kemahuan.

Sehubungan ini, walaupun UMNO kelihatan berhadapan kemelut perpecahan dalaman sekarang, seorang pengkaji politik yang pernah mengkaji sebab kemunculan, pengekalan dan kekalahan parti dominan rejim autoritarian merumuskan bahawa ikut pengalaman PRI di Mexico, KMT di Taiwan, PS di Senegal dan ARN-PC di Paraguay, perpecahan dalaman parti tetap tidak membolehkan ia dikalahkan pembangkang pada pilihan raya jika perpecahan dalaman ini tidak disertai reformasi institusi.

Oleh itu, kemungkinan untuk BN, yang beliau kategorikan dalam parti berkenaan, kalah pada pilihan raya adalah kecil selagi reformasi institusi ini tidak berlaku. Rumusan pengkaji ini termuat di dalam tesis kedoktoran beliau bertajuk *The Emergence, Maintenance and Defeat of Dominant Party Authoritarian Regimes* di bawah seliaan Profesor Donald L. Horowitz di Duke University, Amerika Syarikat, pada 2010. Menariknya, pengkaji ini iaitu Dr Ong Kian Ming, sekarang ini adalah Strategis Pilihan Raya DAP dan Ahli Parlimen Serdang!



Penulis

ialah Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia (UUM)